

Rasuah: Kerajaan tak akan teragak2 bertindak —Dr. M

KUALA LUMPUR, Rabu

KERAJAAN tidak akan teragak-agak mengambil tindakan ke atas ahli-ahli politik dan kakitangan awam yang rasuah; Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan di Dewan Rakyat hari ini.

"Kerajaan yang ada sekarang ini tidak akan lari dari tanggungjawab ini walaupun rasuah itu dilakukan oleh pemimpin-pemimpin golongan pemerintah.

"Kerajaan yang wujud sekarang juga adalah Kerajaan yang bertanggungjawab menentukan lannya bebas dari rasuah," katanya lagi.

Dato Seri Dr. Mahathir memberi pengakuan tersebut waktu membangkang usul Encik Lim Kit Siong (DAP-Petaling) yang meminta izin Dewan untuk mengemukakan usul membentangkan satu rang undang-undang persendirian yang meminta setiap Menteri dan ahli Parlimen mengistiharkan harta mereka untuk mempertahankan keyakinan rakyat terhadap kejujuran dan sifat tidak korup mereka.

Usul untuk membentangkan Akta yang bernama Akta Menteri dan Ahli-ahli Parlimen (Pengistiharan Harta) 1978 itu merupakan usul ketiga Encik Lim yang ditolak oleh Dewan Rakyat.

Usul tersebut disokong oleh Encik Peter Paul Dason (DAP-Bukit Bendera), tetapi ditolak dengan suara terbanyak oleh ahli-ahli Barisan Nasional.

Selanjutnya Dato Seri Dr. Mahathir menyatakan usul untuk mengadakan satu akta meminta sekalian Menteri dan ahli-ahli Parlimen mengistiharkan harta mereka "adalah satu langkah yang

tidak mempunyai nilai dan faedah."

Menurut beliau, rasuah tidak boleh dihapuskan dengan adanya undang-undang seperti yang dicadangkan oleh Encik Lim.

Sebaliknya undang-undang seperti itu akan mungkin menggalakkan lagi perbuatan rasuah kerana orang-orang yang berkenaan boleh menamakan harta mereka di bawah nama orang lain.

Memang ramal 'Pak Sanggup' yang mahu berbuat demikian, tegas Dato Seri Dr. Mahathir. Umpamanya, dalam hal Tanah Simpanan Melayu, banyak kawasan yang di bawah nama

orang Melayu tetapi di dipunyai oleh orang asing.

Katanya terdapat dua cara menghapuskan rasuah. Pertama ialah menerusi perjalanan undang-undang rasuah yang ada sekarang dan keduanya dan khusus untuk ahli-ahli politik, adalah menerusi pilihanraya umum.

"Undang-undang rasuah negara yang ada sekarang ini adalah undang-undang yang berkesan mencegah rasuah kerana lannya diadakan bukan hanya untuk keelokan negara tetapi untuk dipraktikkan demi kepentingan negara.

"Selagi Kerajaan yang ada sekarang ini memerintah, sudah tentu undang-undang itu dikuatkuasakan kerana rasuah hanya dapat dihapuskan dengan adanya undang-undang yang diruskan oleh sebuah Kerajaan yang lurus dan jujur seperti terdapat sekarang.

Memerintah

"Kalau kami tidak menjalankan tanggungjawab kami, maka sudah tentu kami tidak lagi berada di pihak Kerajaan hari ini.

Inilah bukti yang Kerajaan yang memerintah selama 21 tahun dan sudah menjalani lima pilihanraya adalah Kerajaan yang ikhlas dan antirasuah, tegas beliau.

Dato Seri Dr. Mahathir kemudian menarik perhatian pembawa usul bahawa terdapat beberapa orang Menteri di peringkat pusat dan negeri yang telah tersingkir oleh kerana rasuah.

Mengenai pilihanraya pula, beliau menegaskan bahawa rakyat akan mengahkinkan samada pemimpin-pemimpin yang mereka pilih itu berikap rasuah. Mereka yang rasuah, katanya, sudah tentu tidak terpilih lagi.

Pilihanraya juga, tegasnya, membuat setiap ahli yang terpilih takut untuk menyeleweng dan melakukan rasuah.

Dato Seri Dr. Mahathir kemudiannya mencadangkan setiap perbuatan rasuah yang seharusnya mempunyai bukti-bukti nyata haruslah disalurkan menerusi saluran undang-undang yang sedia ada di negara ini.

Encik Lim ketika mengemukakan usulnya mendakwa rasuah di negara ini berlaku di peringkat atas dan sudah dalam kaki tangan kerajaan.

Beliau juga mendakwa ahli-ahli politik dan kakitangan awam telah memperkayakan diri mereka sendiri.

Encik Lim menyatakan satu cara membentaras perbuatan tersebut ialah menerusi undang-undang supaya ahli-ahli Parlimen dan politik mengistiharkan harta benda mereka.

Ketika menyokong beliau, Encik Dason pula menegaskan rasuah tidak dapat dihapuskan selagi rakyat mempercayai rasuah itu wujud di peringkat atas.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No Let. 1141

No Perm. 1112/180